

23 FEB 2003

MAHATHIR-KETIDAKSTABILAN/I

NEGARA-NEGARA SELATAN PERLU TANGANI KETIDAKSTABILAN POLITIK, RASUAH

PETALING JAYA, 23 Feb (Bernama) -- Negara-negara Selatan yang masih bergelut dengan kemiskinan dan masalah ekonomi perlu menghapuskan ketidakstabilan politik dan rasuah, dua halangan bagi mewujudkan kekayaan sekiranya mereka mahu aktiviti perniagaan mereka berkembang dan ekonomi maju, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri Malaysia itu berkata autokrasi dan malah demokrasi tidak menjamin kestabilan tetapi pengamal mereka yang boleh membawa kebaikan kepada negara mereka.

Sebagai contoh, beliau berkata autokrat yang membuat kebaikan dan penyayang boleh melakukan sesuatu menakjubkan untuk memajukan sebuah negara manakala sebaliknya, satu demokrasi dengan pelbagai perbalahan parti-parti politik, juga boleh mengganggu sistem berkenaan.

"Jelaslah, bukan sistem yang diambil kira, ia adalah pengamal sistem berkenaan," katanya semasa berucap pada Forum Perniagaan NAM di sini.

Dr Mahathir juga memberitahu 1,000 atau lebih delegasi yang berkumpul di sini bahawa bagi rasuah, tahap rasuah yang menentukan kejayaan atau sebaliknya bagi kemampuan sesebuah kerajaan untuk memajukan potensi ekonomi sesebuah negara.

Di mana rasuah diterima secara terbuka sebagai cara hidup, tiada negara boleh maju dan makmur, jelas beliau.

Beliau juga mengkritik sistem lobi di mana bayaran dibayar kepada mereka yang melobi yang mempunyai akses kepada pembuat keputusan.

"Mereka yang mampu membayar pelobi yang paling berpengaruh dipilih dan menghalang yang lain. Akhirnya, bukan kerajaan yang baik yang menghasilkan demokrasi tetapi kerajaan yang menawarkan rasuah dan menerima rasuah," katanya.

Dr Mahathir berkata buat masa ini, demokrasi menawarkan sistem politik yang terbaik bagi negara-negara Selatan.

"Tetapi kita perlu mengetahui bagaimana menguruskannya, menggunakannya bagi mempunyai kerajaan yang baik dan kestabilan politik. Kita mahu kestabilan politik, ianya sesuatu yang baik. Tetapi kita mahu lebih daripada itu kerana ia boleh membantu memakmurkan negara kita," katanya. --

BERNAMA

MR SHY NHD